

SPEKIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED LIMAU NIPIS**1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk buah limau nipis (*Citrus aurantifolia* Swingle) yang dipasarkan untuk pasaran segar.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 2.1 **Kematangan** - Terdiri daripada enam (3) indeks warna seperti berikut.
 - 2.1.1 **Indeks 1** - Belum matang. Keseluruhan permukaan kulit berwarna hijau tua sepenuhnya.
 - 2.1.2 **Indeks 2** - Matang. Permukaan kulit berwarna hijau cerah.
 - 2.1.3 **Indeks 3** - Masak. Permukaan kulit berwarna hijau muda dengan warna kuning 15-75.
 - 2.1.4 **Indeks 4** - Terlebihi matang. Permukaan kulit berwarna kuning lebih 75%.
- 2.2 **Kematangan seragam** - Konsainan dianggap seragam jika mempunyai satu indeks warna dalam satu-satu lot.
- 2.3 **Garispusat** - Garispusat maksimum buah diukur pada sudut tepat dengan garis yang merintanginya daripada pangkal tangkai ke tampoknya.
- 2.4 **Segar** - Limau nipis yang segar mempunyai permukaan kulit licin dan berkilat dan tekstur isi yang pejal (firm). Keadaan kulit buah tidak berkedut atau kecut.
- 2.5 **Kecacatan** - Limau nipis yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
 - 2.5.1 **Cacat** - Limau nipis yang bentuknya tidak normal atau sempurna seperti terbantut, berbonggol dan sebagainya.
 - 2.5.2 **Kotor** - Buah limau nipis yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan seperti kesan getah, sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
 - 2.5.3 **Cacat rupa** - Tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik hitam, karat, nyahwarna luar biasa dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan, tetapi tidak menjejaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.

2.6 *Rosak* - Sebarang kecederaan akibat kesan berikut yang akan menjejaskan jangkahayat simpanan, persembahan, pemakanan dan kualiti.

2.6.1 Kecederaan mekanikal dan fisiologi seperti luka, pecah, lebam, calar dan merekah.

2.6.2 Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.

2.6.3 Kesan jangkitan penyakit disebabkan oleh organisma mikro seperti busuk, reput dan berkulat.

3. **KEPERLUAN MINIMUM**

3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.

3.2 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.

3.3 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi seperti yang dikehendaki oleh pasaran.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Limau nipis dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (MAKSIMUM)
Premium	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan \leq 5% Segar \leq 5% Rosak \leq 5% Kecacatan \leq 5% Keseragaman saiz \leq 5%
1	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan \leq 5% Segar \leq 5% Rosak \leq 5% Kecacatan \leq 10% Keseragaman saiz \leq 10%
2	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan \leq 5% Segar \leq 5% Rosak \leq 10% Kecacatan \leq 10% Keseragaman saiz \leq 10%

4.2 Bagi Limau nipis, saiz ditentukan oleh berat dan garispusat dalam unit sepertimana jadual berikut;

SAIZ	KOD	BERAT (g)	Garispusat (mm)
Terlalu Besar	XL	> 60	> 50
Besar	L	51 – 60	46 - 50
Sedang	M	41 – 50	41 - 45
Kecil	S	31 - 40	35 - 40

5. **PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN**

5.1 Pembungkusan

5.1.1 Limau nipis daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod Pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran Syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. **PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "Method of Sampling Fresh Fruits", atau kaedah statistik yang dipersetujui.